

**Parlimen: Kerajaan Tidak Sekat Sistem Komunikasi Semasa Perhimpunan 28 April
- Rais
Bernama
14 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Dakwaan kerajaan menyekat sistem komunikasi semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April lepas adalah tidak benar, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata sistem komunikasi selular biasanya tidak mempunyai kapasiti untuk menampung keperluan perbualan telefon dan pemindahan data bagi keperluan yang banyak seperti yang berlaku pada perhimpunan itu.

"Panggilan terhalang atau blocked call akan berlaku sekiranya terlalu banyak panggilan dibuat pada satu-satu masa yang sama sehingga menyebabkan sel pemancar sedia ada tidak dapat menampung panggilan-panggilan ini.

"Apabila sel-sel tersebut telah penuh, sistem akan menolak panggilan-panggilan ini dan menyebabkan panggilan akan terhalang dan tiada panggilan dapat dibuat," katanya dalam jawapan bertulis kepada Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) yang diedarkan di lobi Parlimen di sini.

Fong mahu tahu punca komunikasi menerusi telefon bimbit tergendala semasa perhimpunan itu dan sama ada sengaja disekat untuk memutuskan hubungan komunikasi di antara orang yang berhimpun.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673086>